

BORANG APDP

## AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (APDP)

### NOTIS PRIVASI

Pelanggan yang dihormati,

Selaras dengan penguatkuasaan APDP pada 15 November 2013, Co-opbank Pertama komited untuk mematuhi semua peruntukan APDP yang bertujuan untuk melindungi data peribadi anda. Mengikut peruntukan di bawah APDP, Co-opbank Pertama perlu mendapatkan persetujuan anda apabila mengumpul dan memproses data peribadi anda. Sila ambil maklum, maklumat berkenaan adalah penting untuk Co-opbank Pertama menilaikan permohonan anda sebelum permohonan anda diproses ke peringkat selanjutnya. Maklumat berkenaan juga dapat membantu Co-opbank Pertama meningkatkan perkhidmatan.

### Memproses Data

Data peribadi anda boleh diproses oleh Co-opbank Pertama dan / atau ejen sah Co-opbank Pertama untuk tujuan berikut :-

- i. Berkomunikasi dengan anda.
- ii. Menyediakan perkhidmatan kepada anda termasuk anak syarikat Co-opbank Pertama (jika ada).
- iii. Menilai dan memproses permohonan anda bagi apa-apa produk Co-opbank Pertama.
- iv. Memproses apa-apa transaksi pembayaran.
- v. Menguruskan dan mengekalkan akaun dan kemudahan.
- vi. Mengesahkan kedudukan kewangan semasa dan berterusan anda menerusi pemeriksaan rujukan kredit dan pemeriksaan kredit berkenaan kredibiliti dan kelayakan anda serta tujuan lain yang dibenarkan di bawah undang-undang berkaitan agensi atau biro kredit yang berkenaan.
- vii. Mengesahkan dan menyemak rujukan oleh pihak ketiga.
- viii. Menjawab pertanyaan dan aduan anda serta menyelesaikan pertikaian secara am.
- ix. Menguruskan pembabitan anda dalam sebarang peraduan dan / atau kempen.
- x. Melaksanakan semakan dan fungsi dalam termasuk analisa berstatistik, laporan, pematuhan, syariah, audit dan penilaian risiko, pengurusan dan kewangan.
- xi. Melakukan kaji selidik pasaran dan analisis bagi meningkatkan produk dan perkhidmatan Co-opbank Pertama.
- xii. Memenuhi keperluan pihak berkuasa / keperluan perundangan atau mana-mana Undang-Undang.
- xiii. Menguruskan faedah dan manfaat anda.
- xiv. Menguruskan pembayaran dermasiswia, kematian atau takaful yang berkaitan.
- xv. Menguruskan pemulihan hutang dan kutipan.
- xvi. Untuk semua tujuan lain yang berkaitan atau yang bersampingan dengan kesemua diatas.

### Penzahiran Data Peribadi

Adalah dimaklumkan dalam sebarang situasi dan jika diperlukan ketika melaksanakan tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas, Co-opbank Pertama boleh menzahirkan maklumat peribadi anda kepada pihak-pihak berikut :-

- i. Mana-mana organisasi yang dilantik untuk berkhidmat sebagai ejen, kontraktor dan vendor kepada Co-opbank Pertama;
- ii. Mana-mana organisasi untuk melengkapkan transaksi yang diminta oleh anda;
- iii. Mana-mana penyedia perkhidmatan kewangan yang diminta oleh anda;
- iv. Mana-mana penyedia perkhidmatan Co-opbank Pertama (termasuk tetapi tidak terhad kepada penyedia perkhidmatan profesional/kewangan dan/atau pembayaran) yang menyediakan perkhidmatan termasuk perkhidmatan pemprosesan data yang berkaitan dengan tujuan diatas;
- v. Mana-mana pihak yang dilantik oleh Co-opbank Pertama;
- vi. Anak-anak syarikat Co-opbank Pertama;

- vii. Penasihat profesional;
- viii. Mana-mana pihak yang memberi jaminan atas permohonan anda;
- ix. Mana-mana pihak yang yang dibenarkan di dalam peruntukan Undang-Undang, ketetapan mahkamah atau pihak berkuasa;
- x. Mana-mana agensi atau biro kredit yang memberikan dan mengumpul maklumat kredit dan maklumat-maklumat lain;
- xi. Agensi penguatkuasaan atau pengawalseliaan;
- xii. Pihak-pihak lain yang mana anda telah memberikan persetujuan untuk menzahirkan data peribadi anda.

TANDATANGAN : .....

TARIKH : .....

---

## PERAKUAN

Dengan menandatangani borang ini, saya / kami mengesahkan bahawa :-

- Saya / kami bersetuju untuk tertakluk di bawah nota privasi di atas;
- Saya / kami dengan ini bersetuju memberi persetujuan secara nyata ('explicit consent') kepada Co-opbank Pertama untuk mengumpul, memproses dan / atau menzahirkan data peribadi saya (termasuk data sensitif) seperti di dalam Nota Privasi di atas;
- Data peribadi yang diberikan oleh saya / kami adalah tepat, lengkap, terkini dan benar. Saya / Kami berjanji akan memaklumkan kepada Co-opbank Pertama secepat mungkin jika terdapat perubahan data peribadi saya / kami.

Pada masa tertentu Co-opbank Pertama mungkin akan menghantar apa-apa bentuk promosi dan pemasaran yang mungkin menarik minat anda. Jika anda mahu menerima komunikasi tersebut, sila lengkapkan ruangan di bawah dengan menandakan di ruangan pilihan anda :-

- Ya, saya / kami bersetuju.
- Tidak, saya / kami tidak bersetuju.

TANDATANGAN : .....

TARIKH : .....

NAMA : .....  
No. K/P : .....

### UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Diterima oleh : .....

(Tandatangan Dan Cop Jawatan)

Tarikh : .....